

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PRA PENUBUHAN (PRE-ESTABLISHMENT) HOSPITAL SWASTA

PENGENALAN

1. Di antara perkara yang perlu diambilkira untuk kelulusan menubuhkan hospital swasta baru termasuklah menilai keperluan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan (KPJK) tersebut dalam sesuatu kawasan sepertimana yang ditetapkan bawah **Seksyen 9**, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan kemampuan pemohon untuk mengadakan KPJK tersebut selaras dengan **Seksyen 11**, Akta 586.
2. Bagi mana-mana entiti yang layak dan berhasrat untuk menubuhkan hospital swasta, boleh mengemukakan permohonan kelulusan pra penubuhan secara bertulis kepada Bahagian Amalan Perubatan di Putrajaya sebelum mengemukakan Permohonan Kelulusan Menubuhkan Atau Menyenggarakan (Borang 1) bagi penubuhan hospital swasta.
3. Oleh itu, satu garis panduan dikeluarkan untuk digunapakai oleh pemohon mengenai tatacara atau prosedur permohonan kelulusan pra penubuhan hospital swasta sebelum mengemukakan Borang 1.
4. Garis panduan dan prosedur permohonan kelulusan pra penubuhan ini adalah berdasarkan kepada –
 - 4.1. Seksyen 9 & 11, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];
 - 4.2. Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006];
 - 4.3. kelulusan Jawatankuasa Penyertaan Ekuiti Asing Dalam Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia (selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri, berkuatkuasa pada 17 Julai 2020); dan
 - 4.4. polisi-polisi Kerajaan yang berkaitan seperti Perintah Am (*General Order*), Arahan Perbendaharaan dan sebagainya.
5. Tujuan pra penubuhan hospital swasta dilakukan adalah untuk –
 - 5.1. menggalakkan pihak swasta menubuhkan hospital swasta di kawasan-kawasan yang lebih memerlukan serta membantu Kerajaan memastikan *equal accessibility* terhadap hospital swasta selaras dengan hasrat *World Health Organisation*;
 - 5.2. mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan dalam sesuatu kawasan bagi menjamin keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan di Malaysia mengikut kualiti dan *standard* yang ditetapkan; dan

- 5.3. memastikan hospital swasta yang telah ditubuhkan dapat berkembang dengan lebih baik (*viable with fair competition*).
6. Di antara perkara yang akan dipertimbangkan dalam keperluan termasuklah seperti berikut –
 - 6.1. jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan sama ada multidisiplin atau '*niche*' (*specialised services* atau *centre of excellence*);
 - 6.2. takat KPJK swasta dan kerajaan sedia ada di kawasan yang berkenaan;
 - 6.3. keperluan bagi KPJK dalam sesuatu kawasan dengan nisbah 2.5 katil: 1000 penduduk dalam lingkungan 30km bagi Semenanjung Malaysia dan 50km bagi Sabah dan Sarawak;
 - 6.4. keperluan masa depan bagi KPJK dalam sesuatu kawasan; dan
 - 6.5. perkara-perkara lain yang relevan seperti menggantikan hospital swasta sedia ada atau untuk kesihatan pelancongan dengan syarat pemohon boleh menunjukkan kemudahan sokongan yang bersesuaian untuk kesihatan pelancongan dan sebagainya.

PROSEDUR PERMOHONAN

7. Pemohon boleh mengemukakan permohonan kelulusan pra penubuhan secara bertulis yang lengkap seperti di Senarai Semak Permohonan Pra Penubuhan Hospital Swasta mengikut entiti pemohon melalui Pengarah Bahagian Amalan Perubatan seperti berikut:
 - 7.1 Senarai Semak Permohonan Pra Penubuhan Hospital Swasta (Pertubuhan Perbadanan);
 - 7.2 Senarai Semak Permohonan Pra Penubuhan Hospital Swasta (Perkongsian); dan
 - 7.3 Senarai Semak Permohonan Pra Penubuhan Hospital Swasta (Tuan Punya Tunggal).
8. Pemohon boleh menghantar **permohonan yang lengkap** berdasarkan maklumat yang disenaraikan berserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan ke alamat:

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
9. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon.
10. Permohonan yang lengkap akan diproses selanjutnya dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perakuan (JKKP) dalam tempoh 4 hingga 5 minggu.

11. Permohonan yang telah disemak dalam Mesyuarat JKPP akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian (JKP). Sebarang keputusan Mesyuarat JKP sama ada permohonan diluluskan atau sebaliknya akan dimaklumkan kepada pemohon secara bertulis melalui surat yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
12. **Kelulusan pra penubuhan tidak boleh ditukar hak milik.** Sekiranya permohonan telah diluluskan, pemohon yang sama perlu mengemukakan permohonan **Borang 1** yang lengkap dalam tempoh **12 bulan** dari tarikh surat kelulusan pra penubuhan dikeluarkan. Penetapan tempoh tersebut adalah bertujuan memberi –
 - 12.1 masa yang mencukupi untuk pemohon mengemukakan permohonan Borang 1 yang lengkap secara rasmi; dan
 - 12.2 peluang kepada pihak lain **yang lebih serius** sekiranya pihak pemohon tidak dapat memenuhi keperluan tersebut.
13. Sekiranya tiada maklum balas yang diterima daripada pemohon dalam tempoh yang telah ditetapkan, pihak pemohon akan dianggap tidak berminat untuk meneruskan permohonan dan kelulusan pra penubuhan tersebut boleh dianggap sebagai ditarik balik, melainkan jika suatu pelanjutan masa telah dipohon dan diberikan oleh Ketua Pengarah.
14. Pada masa yang sama, sekiranya permohonan tersebut dianggap ditarik balik, Kementerian seterusnya boleh mempertimbangkan permohonan kelulusan pra penubuhan dari pihak lain.